

Tanah Sekanggang Kera, Waris Beratus Orang

Saya rasa terpenggil untuk memberi maklumbalas atau mengemukakan pandangan terhadap isu yang dibangkitkan oleh Tun Abdul Hamid Mohamad, mantan Ketua Hakim Negara yang amat saya hormati. Saya telah diminta oleh beberapa orang rakan saya untuk memberi pendapat saya tentang isu yang dibangkitkan oleh Tun.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Tun kerana Tun masih dan sangat cakna dengan permasalahan umat Islam, pada waktu pencen dan usia Tun yang sebegitu. Saya amat mengaguminya. Bahkan memang Tun adalah antara hakim-hakim yang amat saya kagumi. Sebelum ini saya ada juga membaca tulisan Tun berkaitan dengan isu tanah wakaf yang Tun menjadi hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang sewaktu itu menyelesaikan hal-hal tanah wakaf yang menjadi perbalahan dan dibawa ke mahkamah untuk diselesaikan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang bertanya saya secara terus dan mengharapkan pandangan balas dari saya. Saya tahu, saya bukanlah layak untuk duduk bersemuka dengan 'orang-orang besar' untuk berbincang isu besar ini, yang Tun sendiri nampaknya tidak yakin akan ada golongan ahli politik yang berjiwa besar yang sanggup mengambil risiko besar untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan kerana ia bukanlah pilihan yang popular dan mesra pengundi.

Kepada pembaca yang tidak tahu apa-apa isu ini kerana mungkin belum membaca tulisan Tun, anda boleh membacanya sendiri di pautan berikut: <http://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/976-effects-of-faraid-what-is-the-solution?>

Saya tidak mahu mengulangi isu yang dibangkitkan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Tun. Masing-masing boleh membacanya sendiri dalam artikel yang ditulis oleh Tun. Tulisan saya ini juga bukanlah bertujuan untuk menjawab kesemua isu yang dibangkitkan oleh Tun, kerana yang pertama, saya seperti mana Tun, bukanlah seorang ulama' yang berkelayakan untuk membincangkan hal-hal hukum syara' terutamanya yang melibatkan soal *ijtihadi* yang memerlukan kefakahan yang tinggi tentang *'illah* hukum, dan sebagainya. Keduaanya, saya bukanlah seorang pakar undang-undang yang memahami segala aspek undang-undang hartanah, termasuk aspek pengambilan tanah, penubuhan perbadanan (seperti yang dicadangkan oleh Tun) dan segala aspek perundangan yang lain. Lebih-lebih lagi saya tiada ilmu ekonomi, juga ilmu politik, kerana isu yang dibangkitkan amat berkait dengan ekonomi dan politik negara.

Cuma, saya tersentuh untuk memberi maklum balas kerana Tun berulang kali menyatakan kerisauan beliau takut-takut cadangan yang beliau kemukakan adalah bercanggah dengan syara' kerana dibimbangi ia membelakangkan hukum faraid. Baiklah, bab yang ini yang saya terpenggil untuk memberi secuit pendapat.

Pembahagian faraid tidak boleh dilihat dari sudut yang ketat (*rigid*), terkongkong, sempit dan sebagainya. Ia perlu dilihat secara luas, dari sudut keadilan, rahmat dan hikmat di sebaliknya sebagai solusi dari Allah SWT kepada umat. DIA yang menciptakan kita, dan DIA yang memberikan manual tentang solusi bagi segala yang berlaku.

Terdapat beberapa pembaharuan yang undang-undang berlaku pada zaman ini yang secara zahirnya nampak seolah-olah bercanggah dengan faraid, tetapi

hakikatnya adalah sebagai cadangan solusi pembahagian harta pusaka bagi umat Islam. Pembaharuan undang-undang ini pula sudah diakui oleh ulama', walaupun mungkin ada yang tidak bersetuju dengannya. Saya bagi dua (2) contoh yang terlintas pada fikiran saya ketika ini, iaitu tentang pendaftaran pemilikan tanah FELDA yang dihadkan kepada dua (2) pemilik berdaftar, dan tentang isu hak waris patah titi. Kedua-dua isu ini, secara zahirnya memang nampak bercanggah dengan faraid kerana faraid tidak menghadkan hak waris atas sebarang harta peninggalan si mati (isu tanah FELDA), dan faraid memang secara jelas menafikan hak waris patah titi kerana mereka sudah terdinding oleh waris '*asabah* yang lebih dekat (isu *wasiyyah wajibah*).

Benarkan saya memetik kembali tulisan saya dalam buku "Pengurusan Dan Pembahagian Harta Pusaka di Malaysia" berkaitan pewarisan tanah FELDA sebagaimana berikut:

"Tanah di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tertakluk kepada seksyen 15 akta tersebut yang hanya membenarkan turunmilik dilakukan kepada dua orang waris sahaja. Atas faktor ini, ada yang menganggap bahawa pewarisan tanah FELDA adalah bercanggah dengan faraid, dan sekaligus bercanggah dengan hukum syarak.

Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita dahulu sebelum membentangkan Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) sudahpun mendapat nasihat dari para mufti mengenai hal ini. Tun Abdul Razak berkata, undang-undang ini dibuat atas asas *siyasa syar'iyah* bagi menjaga masalah atas tanah yang diusahakan supaya sentiasa berdaya maju. Apabila peneroka FELDA telah menandatangani perjanjian dengan pihak kerajaan, maka pihak-pihak yang terlibat hendaklah patuh kepada terma dan syarat perjanjian. Oleh sebab itulah terdapat banyak sekatan kepentingan atas tanah FELDA yang bertujuan menjaga kepentingan kedua-dua pihak yang berkontrak.

Atas faktor inilah juga tanah FELDA dikategorikan sebagai *milk al-naqis* (pemilikan tidak sempurna). Oleh sebab pemilikan tidak sempurna, suratcara hibah yang melibatkan tanah FELDA walaupun dipersetujui oleh semua waris adalah tidak sah selagi tiada kebenaran pihak FELDA. Begitu jugalah bagi kes wasiat kepada bukan waris adalah tidak sah kerana Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tidak membenarkan pindahmilik tanah FELDA dibuat kepada bukan waris.

Pewarisan tanah FELDA sememangnya masih selari dengan hukum faraid sebab waris faraid masih mendapat manfaat atau hasil dari tanah pusaka FELDA. Jika waris tiada persetujuan tentang permohonan turunmilik akibat kematian, waris hendaklah bersetuju untuk melantik pentadbir antara seorang hingga empat (4) orang di antara mereka. Inilah yang selalunya berlaku.

Dalam perintah pelantikan pentadbir (Borang F), selalunya unit pembahagian pusaka kecil akan melampirkan senarai waris yang berhak atas harta si mati bersama bahagian mereka, sama ada mengikut persetujuan muafakat, atau mengikut kiraan faraid. Pentadbir bertanggungjawab membahagikan hasil atau manfaat tanah FELDA kepada semua waris mengikut perintah bicara pusaka. Maka hak waris masih diiktiraf mengikut hukum syarak."

Cuma mungkin isu tanah FELDA tidaklah boleh dikiaskan secara terus dengan isu yang bangkitkan oleh Tun mengenai isu faraid bagi tanah sekangker yang mana warisnya mencecah sampai ratusan orang, sebab tanah FELDA itu

sudahpun adanya kontrak antara pihak-pihak, berlainan dengan isu yang dibangkitkan tentang penubuhan perbadanan yang mana menampakkan tentang kerajaan mahu campur tangan. Saya sekadar mahu menunjukkan tentang apa yang zahir nampak macam bercanggah dengan faraid, walhal ia tidak bercanggah.

Begitu juga dengan isu waris patah titi. Waris patah titi merujuk kepada cucu yang kematian bapa terlebih dahulu sebelum kematian datuk/nenek mereka. Mereka akan terhalang daripada menerima harta pusaka datuk/nenek mereka kerana kewujudan bapa/ibu saudara mereka yang menjadi waris yang menghabiskan baki ('*asabah*') kepada harta pusaka peninggalan datuk/nenek. Bagi memberikan keadilan kepada waris patah titi, maka timbullah pembaharuan undang-undang yang dikenali sebagai '*wasiyyah wajibah*'.

Wasiyyah wajibah merujuk kepada konsep wasiat yang seolah-olah wujud daripada datuk/nenek kepada cucunya sebelum datuk/nenek itu meninggal dunia. Wasiat pada asalnya bukanlah wajib. Tetapi bagi menjaga maslahat/kepentingan waris patah titi, wasiat ini seakan-akan wajib ada yang diwajibkan adanya oleh pemerintah melalui penguatkuasaan undang-undang.

Isu *wasiyyah wajibah* ini juga nampak seolah-olah bercanggah dengan faraid, tetapi ia diterima di serata dunia Islam kerana ada dalil pengharusannya. Isu *wasiyyah wajibah* ada saya sentuh dalam buku saya di atas.

Saya yakin, penubuhan perbadanan yang dicadangkan oleh Tun memang tidak bercanggah dengan syariah, sebab faraid itu sifatnya solusi pembahagian harta, bukannya menjahanamkan harta dengan menjadikannya terbiar dan beku.

Pembaharuan Undang-Undang Hartanah Dan Penubuhan Perbadanan

Tun Abdul Hamid seterusnya mencadangkan satu pembaharuan undang-undang hartanah bagi menyelesaikan kemelut pembahagian harta pusaka atas sekeping tanah sekangkang kera yang mana warisnya beratus orang itu. Cadangan Tun adalah sebagaimana berikut:

"Kerajaan, sebagai pihak berkuasa, membuat satu undang-undang yang menghadkan satu-satu lot tanah pusaka dibahagikan kepada waris-waris yang mengakibatkan seseorang waris itu menjadi pemilik kurang daripada satu ekar (misalnya). Jika pembahagian itu akan mengakibatkan keadaan sedemikian:

- a. jika tidak ada waris yang menolak haknya; atau
- b. jika tidak ada waris yang bersedia menjual bahagiannya kepada waris-waris lain;
- c. atau jika kesemua mereka tidak bersetuju menjual tanah itu kepada seseorang, waris atau bukan,

maka tanah itu akan dipindah milik kepada sebuah perbadanan yang ditubuh oleh kerajaan. Perbadanan tersebut akan membayar harga pasaran kepada mereka dan akan dibahagikan sesama mereka mengikut bahagian mereka yang ditetapkan oleh hukum faraid, melainkan jika mereka bersetuju sebaliknya."

Saya berpendapat, apa yang dicadangkan oleh Tun ini sudahpun dimulai langkahnya oleh Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB). PKB melalui arahan mantan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Khalid Bin Abdul Samad (tanpa

menafikan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh menteri-menteri sebelum ini) telah memulakan langkah dengan membuat tawaran pembelian tanah-tanah di Kampong Bharu bagi menyelesaikan isu ini. Cumanya, cadangan pembaharuan undang-undang bagi menghadkan satu-satu lot tanah pusaka dibahagikan kepada waris-waris yang mengakibatkan seseorang waris itu menjadi pemilik kurang daripada satu ekar memanglah belum dikemukakan.

Apa yang dibuat oleh PKB ialah membuat tawaran pembelian tanah Kampong Bharu bagi tujuan pembangunan semula. Tawaran 'pembelian' ini lebih lemah lembut sifatnya berbanding cadangan 'menghadkan pemilikan tanah pusaka' dan akhirnya memindahmilik tanah tersebut kepada satu perbadanan milik kerajaan.

Ya, mungkin cadangan menghadkan pemilikan tanah pusaka itu untuk undang-undang yang berkuat kuasa secara prospektif, manakala bagi mengatasi undang-undang yang tidak boleh berkuat kuasa secara retrospektif, maka langkah terbaik adalah secara 'tawaran pembelian', tanpa perlu menggunakan peluru simpanan akta pengambilan tanah dan sebagainya. Dengan wujudnya cadangan undang-undang yang baru ini (jika dipersetujui), maka akan bertambahlah senjata kerajaan dalam menangani isu tanah pusaka ini.

Apa yang perlu dibuat ialah penambahan senjata dan peluru ini hendaklah selari dengan penambahan ilmu dan kesedaran di kalangan rakyat itu sendiri juga kerana sebagaimana yang kita sedia maklum, sesuatu perubahan sosial itu tidak boleh berlaku secara dari atas ke bawah (*law changes society*) melainkan mendapat kerjasama dari bawah ke atas (*society changes the law*) juga.

Saya secara peribadi memang amat bersetuju dengan cadangan pembaharuan undang-undang yang dikemukakan oleh Tun tersebut dan juga cadangan penubuhan perbadanan yang lebih global sifatnya itu, bukannya secara khusus merujuk kepada tanah-tanah di Kampong Bharu sahaja bahkan penyelesaian tuntas bagi seluruh tanah dalam negara. Isu sama ada cadangan tersebut bercanggah atau tidak dengan syariah, sudahpun saya bangkitkan sebelum ini yang saya yakin dan sependapat dengan Tun bahawa ianya adalah patuh syariah.

Cumanya, apa yang saya mahu bangkitkan di sini ialah pengalaman PKB dalam menguruskan tanah-tanah di Kampong Bharu perlu diberi perhatian supaya perbadanan yang baru diwujudkan ini (jika dipersetujui oleh kerajaan) boleh menimba ilmu dan pengalaman dari tokoh-tokoh hebat yang sedia ada di PKB.

Perubahan juga pastinya tidak mampu dilakukan oleh kerajaan jika rakyat itu sendiri yang masih jahil tukil, tidak mahu mengubah diri sendiri, tamak, dan pentingkan diri sendiri. Maka, sebarang perubahan ke arah menyelesaikan isu ini hendaklah berlaku serentak dari kerajaan dan dari rakyat marhaen itu sendiri.

Terima kasih saya ucapkan kepada Tun atas lontaran idea yang bernas. Semoga Tun sentiasa sihat, dipanjangkan usia dalam keberkatan Allah, dan selamat menyambut hari lahir yang ke 78, pada dua hari lepas.

Semoga Allah memberkati kita semua.

Oleh:
Ahmad Termizi Abdullah
mizico@gmail.com